

FAHAM AHLUS SUNNAH DALAM DASAR KEAGAMAAN  
MAJLIS HAL EHWAL UGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS  
ANTARA TAHUN 1964-1976 DAN KESANNYA TERHADAP  
INSTITUSI MASSA

Oleh:

AZMI ABDULLAH

Latihan Ilmiah untuk keperluan Ijazah Sarjana Muda Sastera  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang  
Sessi 1982/83

Untuk:

Anak-anak  
Isteri  
yang tersayang  
Cikma  
Aida  
Asrul

dan:

Kedua Ibubapa.

KANDUNGAN

DAFTAR GAMBARAJAH	iv
PENDAHULUAN	v
PENGHARGAAN	viii
KEPENDEKAN	ix
 BAB 1 - KEDUDUKAN ISLAM DI PERLIS DALAM KONTEKS PERKEMBANGAN UNDANG-UNDANG DASAR PENTADBIRAN HINGGA 1963	   1
 BAB 2 - AHLUS SUNNAH DALAM DASAR MAJLIS HAL EHWAL UGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS	
Asal-usul Aliran Ahlus Sunnah	13
Struktur Pentadbiran Agama Islam	20
Dasar Keagamaan	27
 BAB 3 - PENGARUH MUJIBS TERHADAP INSTITUSI DAN ORGANISASI MASSA.	
Masjid dan Surau	49
Pentadbiran dan Organisasi Masjid	52
Lembaga Kebajikan Masjid	56
Urusan dan Khairat Kematian	60
Alim-ulama	63
 BAB 4 - PENUTUP	 73
BIBLIOGRAFI	77
LAMPIRAN-LAMPIRAN	84

DAFTAR GAMBARAJAH

Organisasi Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Perlis

21

## PENDAHULUAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat polisi Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Perlis terutamanya tentang dasar keagamaan institusi itu terhadap institusi dan organisasi massa.

Hal ini telah menarik perhatian saya kerana institusi pentadbiran agama itu memainkan peranan yang terpenting untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan masyarakat Islam di negeri Perlis, tetapi juga kerana dasar keagamaan institusi pentadbiran agama Islam itu agak berlainan dari negeri-negeri lain di Malaysia. Perbezaan itu adalah dari segi aliran faham agama yang didokong oleh pihak institusi pentadbiran agama Islam di negeri itu berbanding dengan institusi-institusi di negeri lain.

Melihat kepada perbezaan inilah maka ia telah menarik perhatian saya untuk melihatkan bagaimana pihak autoriti agama di institusi itu menggunakan serta mempertahankan dasar keagamaan ini terutamanya memandangkan perbezaan aliran faham di negeri-negeri lain di Malaysia akan menjadi cabaran kepada aliran faham agama yang cuba dipertahankan oleh pihak autoriti agama di Perlis. Aliran faham agama yang cuba dipertahankan oleh pihak autoriti agama di institusi itu ialah suatu aliran faham yang agak liberal dan melalui kajian ini dapat dibuat penilaian sejauh mana aliran faham itu memberi kesan penting kepada masyarakat Islam di Perlis.

Tempoh masa di antara tahun 1964 hingga 1976 itu telah dipilih kerana sejak tahun 1964 itulah bermulanya pelaksanaan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam tahun 1963, iaitu undang-undang